

Percaturan 'Peta Ekonomi Abdullah'

Jemaah Menteri baru mesti pastikan RMK-9 jana pertumbuhan negara

BH-17/2/2006

SETELAH berjaya mengemudi Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan terbesar dalam sejarah pada Pilihan Raya Umum 2004, ramai yang mengharapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, membuat sesuatu kejutan untuk merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Mereka yang berharap-harap itu agak kecewa kerana 'kejutan' yang mereka mahukan tidak kunjung tiba.

Dalam Kabinet pertamanya yang diumumkan pada 27 Mac 2004, Abdullah mengekalkan sebahagian besar daripada barisan Jemaah Menteri yang dibentuk Perdana Menteri sebelumnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Setengah tokoh perniagaan pula, terutama yang pernah menikmati kemewahan daripada projek besar kerajaan, terus mengharapkan pengumuman mengenai projek sedemikian untuk meneruskan hayat perniagaan masing-masing. Apabila projek yang diharapkan itu nyata tiada, mereka juga kecewa.

Malah, di kalangan kontraktor Kelas F Bumiputera yang sebelumnya menerima tempas langsung daripada projek mega kerajaan, kedengaran juga keluhan apabila kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk projek seumpama itu.

Kemudian ada pula golongan separa ilmiah yang menanti-nanti apa yang mereka sendiri sebut sebagai 'Peta Ekonomi Perdana Menteri' untuk menentukan hala tuju ekonomi negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri baru. Mereka juga kecewa.

Kemuncak kepada harapan yang pelbagai ini dilonjakkan kembali sejak beberapa bulan lalu dengan aneka andaian dan spekulasi hebat mengenai rombakan kabinet yang akan menyusul.

Ada yang meramalkan hampir 60 peratus daripada barisan Kabinet sedia ada akan digantikan dengan tokoh baru dan muda yang lebih dinamik dan bertenaga untuk memastikan kejayaan agenda pembangunan negara di bawah kepimpinan Abdullah.

Bagaimanapun, apabila Perdana Menteri mengumumkan rombakan Kabinet pertamanya sejak pilihan raya lalu awal minggu ini, segala ramalan yang hebat-hebat itu juga ternyata meleset. Mungkin ada yang

INTI PATI

- Menggembirakan atau mengecewakan mana-mana pihak bukan tujuan pembentukan sebuah Jemaah Menteri.
- Perdana Menteri berhak membuat keputusan berdasarkan kepada harapan, rancangan dan pengetahuan beliau sendiri mengenai orang yang dipilih.
- Keputusan Perdana Menteri harus disokong semua pihak bagi menjayakan wawasan negara dan isu berkecil hati tidak perlu timbul.

kecewa, tetapi ramai juga yang bergembira.

Harus diingat bahawa menggembirakan atau mengecewakan mana-mana pihak bukan tujuan pembentukan sebuah Jemaah Menteri yang di bawah sistem diamalkan di negara ini adalah anggota tertinggi dalam kerajaan.

Perdana Menteri sebagai ketua anggota ini sudah tentu memerlukan satu pasukan yang beliau kira serasi, sesuai, berkelayakan dan mampu membantunya dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Seperti yang dijelaskan pengulas, Kalimullah Hassan dalam akhbar *Berita Harian* semalam, orang lain memang mempunyai hak untuk menyenaraikan pasukan idaman masing-masing.

Tetapi, pada analisis terakhir hanya Perdana Menteri berhak membuat keputusan berdasarkan harapan, rancangan dan pengetahuan beliau sendiri mengenai orang yang beliau pilih.

Sebenarnya itulah yang Abdullah lakukan dalam rombakan Kabinet yang beliau umumkan Selasa lalu. Komitmen Perdana Menteri untuk terus memacu negara mencapai matlamat Wawasan 2020 melalui pertumbuhan ekonomi yang mapan sudah banyak kali beliau tegaskan.

Terakhir ialah melalui arahan tegas beliau kepada menteri ketika mesyuarat Kabinet pertama selepas rombakan dua hari

lalu supaya mereka tidak menghabiskan terlalu banyak masa mempelajari selok belok kementerian yang mereka baru ambil alih. Sebaliknya, mereka harus terus menyiapkan diri untuk memastikan semua projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dilancarkan pada penghujung bulan depan dilaksanakan dengan jayanya.

Abdullah yang sudah menghabiskan banyak masa membuat persiapan terakhir RMK-9 melihat rancangan itu sebagai satu-satunya *blueprint* yang akan melonjakkan fasa kedua dalam proses membawa Malaysia ke status negara maju mengikut acuan sendiri menjelang 2020.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang akan menyusul lima tahun daripada sekarang akan menyempurnakan proses itu.

Jika mahu dilihat dari sudut ini, RMK-9 inilah 'Peta Ekonomi Abdullah' yang sedang dinanti-nantikan. Sama ada rancangan ini akan menyediakan 'projek' untuk menyambung hayat perniagaan golongan tertentu, bukanlah satu perkara penting.

Yang penting ialah ia bertujuan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi negara untuk tempoh lima tahun akan datang selaras dengan janji kerajaan sekarang.

Selepas mengambil alih pucuk pimpinan negara lebih dua tahun lalu, Abdullah antara lain berjanji untuk memerangi rasuah, memperbaiki sistem penyampaian awam, memperkasakan sektor pertanian sebagai antara sumber penting pertumbuhan ekonomi, mempergiatkan lagi pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti pelancongan dan pendidikan serta membina modal insan sebagai satu daripada usaha meningkatkan daya saing negara.

Tindakan susulan yang beliau ambil kemudian cukup konsisten dengan janji itu. Ini termasuk pembentukan Suruhanjaya Diraja Bagi Penambahbaikan Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, penubuhan Institut Integriti Nasional dan pengenalan Pelan Integriti Nasional.

Usaha memperbaiki sistem penyampaian awam juga sedang dijalankan dengan rancak oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAM-PU).

Pengagihan portfolio kepada menteri yang baru dilantik, pertukaran serta pengkalan portfolio untuk menteri lama juga konsisten dengan hasrat itu.

Tidak syak lagi kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelancongan dan jabatan yang bertanggungjawab dengan perancangan ekonomi antara agensi penting dalam menentukan kejayaan matlamat itu.

Sesungguhnya, di sinilah rasional di sebalik pengkalan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta pertukaran Datuk Mustapa Mohamed ke Kementerian Pengajian Tinggi.

Inilah juga rasional di sebalik pelantikan Datuk Seri Effendi Norwawi sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap perancangan ekonomi, Datuk Tengku Adnan Mansor sebagai Menteri Pelancongan, Datuk Zainuddin Maidin sebagai Menteri Penerangan dan Datuk Zulhasnan Rafique sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Kesesuaian dan kemampuan menteri terlibat dalam mengendalikan kementerian masing-masing sudah banyak diulas dan diperkatakan.

Kementerian Penerangan walaupun tidak terlibat secara terus dalam rancangan pembangunan fizikal, ia penting untuk menyediakan pemikiran rakyat bagi membolehkan mereka memahami, menerima dan menikmati secara maksimum manfaat daripada rancangan dan program pembangunan kerajaan.

Kementerian itu mempunyai infrastruktur cukup lengkap yang jika digunakan dan digembleng sepenuhnya boleh menjadi agen berkesan untuk perubahan.

Seperti dijelaskan Abdullah sendiri, beliau penuh yakin pasukan yang beliau pilih itu mampu membantunya mencapai hasrat yang beliau cita-citakan. Dalam hubungan ini Perdana Menteri perlu di beri sokongan penuh oleh semua pihak.